

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Kemasukan leksis dari satu bahasa ke dalam bahasa lain menyebabkan berlakunya perubahan bahasa (Thomason, Sarah, G. (2000). Perubahan bahasa ini, pada kebiasaannya berlaku apabila wujudnya pertembungan bahasa (Heah, 1989). Perubahan ini boleh berlaku dalam semua aspek bahasa, termasuk sebutan, kata dan struktur ayat. Perubahan dalam setiap aspek ini berlaku pada kadar yang berlainan. Perubahan yang berlaku pada bahasa boleh dikatakan berlaku dalam bentuk pertambahan atau pengurangan (Fromkin, 2007:474).

Pada kebiasaannya leksis baru yang terhasil dalam sesuatu bahasa memperlihatkan unsur-unsur istimewa yang terdapat pada zaman itu (Thomason, Sarah G. (2000). Leksis baru digunakan untuk memperkenalkan benda baru dan konsep baru yang tercipta atau terhasil dalam masyarakat (Weinreich, 1967).

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

##### **1.1.1 Masyarakat Tamil di Malaysia dalam Situasi Multilingual**

Pedagang-pedagang Tamil dipercayai telah melawat Tanah Melayu sejak kira-kira 2000 tahun dahulu (Azizi, 1983). Terdapat bukti-bukti penempatan awal orang-orang India di Tanah Melayu sejak abad ke-4 di sepanjang muara Sungai Bujang, Sungai Merbok dan Kuala Muda (Arasaratnam, 1970:3). Kebanyakan orang India yang tinggal di kawasan ini adalah para pedagang yang datang dari India Selatan yang telah menetap di muara-muara sungai sementara menunggu peralihan angin

monsun supaya mereka dapat belayar pulang ke India setelah siap berdagang. Selain itu, terdapat juga penempatan masyarakat Tamil di Melaka sejak abad ke-15. Penempatan tersebut dikenali sebagai Tanjung Kling. Orang Tamil yang tinggal di Kampung Kling bekerja sebagai pegawai istana, guru, pedagang dan tukang (Arasaratnam, 1970:8).

Kedatangan orang-orang India sebagai buruh bermula sejak tahun 1786 setelah pembukaan Pulau Pinang oleh Sir Francis Light. Ramai antara mereka dibawa masuk untuk bekerja di ladang-ladang tebu, kopi, dan kelapa di Pulau Pinang dan Seberang Prai serta menjadi pembantu-pembantu domestik. Penjajah British memerlukan pekerja yang sanggup bekerja keras dengan upah yang sedikit. Pada pandangan mereka buruh dari India, khususnya yang berasal dari India Selatan adalah orang yang paling sesuai untuk memenuhi kehendak mereka (Murasu Nedumaran 1997:54).

Menurut Azizi (1983:143), menjelang tahun 1870 bilangan orang Tamil di Tanah Melayu (hampir kesemuanya terdiri daripada kaum buruh India Selatan) melebihi 30,000 orang. Masyarakat India yang berhijrah atau yang dibawa masuk ke Malaya dari India pada kebiasaannya tinggal di sini buat sementara waktu iaitu akan pulang ke India setelah mengumpulkan wang yang secukupnya. Niat sedemikian telah mendorong mereka untuk sanggup bekerja di kawasan-kawasan terpencil yang baru dibuka untuk penanaman kopi, getah dan tebu (Kulandasamy 1989/90:20). Tetapi sebilangan besar daripada mereka telah membuat keputusan untuk tidak pulang ke negara asal mereka.

Selepas Perang Dunia Kedua masyarakat Tamil mula menetap di Tanah Melayu. Peratus orang India yang dilahirkan di Tanah Melayu pada tahun 1957 telah meningkat ke 62.1%. Pada tahun yang sama (1957) bilangan masyarakat Tamil di Tanah Melayu ialah 685,985 orang dan ini merupakan 11.1% daripada jumlah penduduk Tanah Melayu (Arasaratnam, 1970:16).

Jadual 1.1: Penduduk di Semenanjung Malaysia dari 1957 hingga 2010

<b>Kaum</b>	<b>2010</b>	<b>2006</b>	<b>1996</b>	<b>1987</b>	<b>1970</b>	<b>1957</b>
Bumiputera	18,362,825 (65%)	16,451,820 (63%)	9,757,095 (59.2%)	7,823,204 (57.3%)	4,695,916 (53.3%)	3,064,014 (48.8%)
Cina	7,345,130 (26%)	6,789,640 (26%)	4,746,695 (28.8%)	4,382,633 (32.1%)	3,118,863 (35.4%)	2,447,096 (38.2%)
India	2,005,786 (7.1%)	2,089,120 (8%)	1,532,787 (9.3%)	1,365,306 (10.0%)	933,897 (10.6%)	685,985 (11.1%)
Lain-lain	536,759 (1.9%)	783,420 (3%)	445,002 (2.7%)	81,918 (0.6%)	61,672 (0.7%)	81,623 (1.3%)
<b>Jumlah</b>	<b>28,250,500</b>	<b>26,114,000</b>	<b>16,481,579</b>	<b>13,653,061</b>	<b>8,810,348</b>	<b>6,278,718</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual populasi di atas menunjukkan bahawa Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), sebanyak 7.1% peratus daripada jumlah populasi di Malaysia ialah masyarakat India 2,005,786. Walalupun terdapat etnik-etnik yang terdiri daripada golongan bukan Tamil seperti Telugu dan Malayalee dalam golongan masyarakat India, tetapi kebanyakan daripada mereka dapat bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Tamil. Jadual di atas menunjukkan kaum India merupakan golongan etnik yang ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia. Situasi kehidupan pelbagai kaum ini di Malaysia telah menyebabkan wujudnya pelbagai situasi bahasa (*multilingual*).

### 1.1.2 Kedudukan Bahasa Tamil dalam Perlembagaan Malaysia

Bahasa Tamil menjadi bahasa pertuturan dan tulisan sejak 2513 tahun dahulu (Kaliaperumal: 1997:69). Menurut Kothandaraman, Pon. (2001:4), bahasa Tamil mempunyai khazanah tatabahasa yang terunggul.

Di Malaysia penggunaan bahasa Tamil adalah meluas dalam kalangan masyarakat India dan juga merupakan salah satu bahasa yang kedua di Malaysia selain bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Rakyat Malaysia berpeluang mempelajari bahasa Tamil tanpa halangan. Di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, walaupun perkara 152 menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu, tetapi dalam perkara 152 (1a dan 1b) menyatakan bahawa:

*“tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain”*

*“Tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak kerajaan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan”*

(Perlembagaan Persekutuan Malaysia)

Perkara ini memberi peluang kepada kaum India dan Cina untuk terus mempelajari bahasa ibunda mereka. Oleh itu kerajaan telah membenarkan kewujudan sekolah-sekolah rendah yang menggunakan bahasa Tamil dan Cina sebagai bahasa pengantar.

Dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia, perkara 152 (Fasal 2), telah memperlihatkan keutamaan diberikan juga kepada bahasa Inggeris. Hal ini jelas seperti berikut:

*“Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain”*

(Perlembagaan Persekutuan Malaysia)

Secara tidak langsung fasal ini menjelaskan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang kedua penting selepas bahasa Melayu. Dengan ini, rakyat berpeluang untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris dalam segala urusan rasmi dalam situasi *multilingual*. Hal ini juga terbukti dalam Sistem Pendidikan Malaysia, yang mana mulai tahun 2003 mata pelajaran Matematik dan Sains diajar dalam bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Inggeris adalah yang kedua penting selepas bahasa Melayu. Hal ini juga telah menyebabkan peningkatan kadar peminjaman kata Inggeris ke dalam bahasa Tamil dalam kalangan para pendidik Tamil dan murid-murid sekolah Tamil. Penggunaan bahasa Inggeris juga telah menjadi lebih luas dalam sektor swasta berbanding dengan bahasa Melayu. Oleh itu, dalam keadaan pelbagai bahasa, pinjam-meminjam sesuatu unsur bahasa ke dalam satu bahasa yang sudah pasti berlaku.

Dalam pada itu, bahasa Tamil menjadi bahasa penghantar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Bahasa Tamil juga diajar sebagai mata pelajaran tambahan di sekolah menengah. Pelajar juga diberi peluang untuk mengikuti pengajian bahasa Tamil di Universiti.

## **1.2 Bahasa Tamil dalam berbagai-bagai Bidang**

Di Malaysia bahasa Tamil digunakan dalam berbagai-bagai bidang seperti pendidikan, media, keagamaan dan kebudayaan.

### **1.2.1 Bahasa Tamil dalam Sistem Pendidikan di Malaysia**

Pada mulanya masyarakat Tamil yang dibawa masuk ke tanah-tanah jajahan British dan Perancis tidak diberi peluang untuk menerima pendidikan formal. Pada tahun 1905, pentadbir British telah membuat keputusan untuk memberikan pendidikan Tamil kepada anak-anak pekerja India sebagai ganjaran untuk menarik pekerja-pekerja India Selatan yang baru dan untuk mengekalkan pekerja-pekerja India yang sedia ada di Tanah Melayu (Kulandasamy 1989/90:22).

Pendidikan Tamil di Tanah Melayu mendapat nafas baru dan perkembangan pesat selepas Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun tanggal 31 Ogos tahun 1957. Laporan Razak yang telah dilaksanakan pada tahun 1957 telah menggabungkan semua sekolah vernakular yang terdapat di Tanah Melayu pada masa itu di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan. Dengan ini wujudlah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) di Malaysia. Malahan Laporan Razak juga membuka peluang kepada sekolah-sekolah Tamil di Malaysia untuk mendapat peruntukan kewangan daripada kerajaan. Dengan ini, pendidikan Tamil mendapat satu status dalam sistem pendidikan Malaysia. Pada masa kini terdapat sebanyak 523 sekolah Rendah Kebangsaan Tamil di Malaysia (Kementerian Pendidikan, 2010). Kurikulum Sekolah Tamil di Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan dari semasa ke semasa sejajar dengan kemajuan dan keperluan negara.

Walaupun bahasa Tamil tidak mendapat status yang sama tinggi seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, seperti mana termaktub dalam perlembagaan, tetapi telah mendapat nafas baru dengan terlaksananya Laporan Razak yang mana bahasa Tamil dijadikan sebagai bahasa pengantar di SJK Tamil sejak tahun 1957.

Berdasarkan cadangan laporan ini, bahasa Tamil juga diajar sebagai mata pelajaran pilihan kepada murid-murid di sekolah menengah di Malaysia.

Ekoran daripada laporan ini, sistem pendidikan kebangsaan telah menawarkan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran dalam peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pelajar India dibenarkan mempelajari bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan di sekolah menengah, jika terdapat permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa untuk membuka kelas bahasa Tamil. Perkara ini terkandung dalam Ordinan Pelajaran 1952. Maka, tanpa kewujudan Laporan Razak 1957, tidak mungkin bahasa Tamil mendapat status yang sama tinggi dengan bahasa-bahasa seperti bahasa Cina dalam sistem pendidikan negara kita.

Tujuh buah Institusi Pendidikan Guru (IPG) di negara ini menawarkan Kursus Diploma Perguruan Khas bahasa Tamil, Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Kursus Sarjana Muda Pendidikan Tamil. Selain itu, Program Sarjana Muda Pendidikan juga diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bahasa Tamil juga menjadi bidang pengkhususan major dan minor di Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada peringkat Sarjana Muda. Selain itu Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya juga menawarkan Program Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Tamil) sejak tahun 1998. Bahasa Tamil juga diajar sebagai bahasa kedua di Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Sabah Malaysia.

### **1.2.2 Bahasa Tamil dalam Media Cetak di Malaysia**

Masyarakat India, khususnya golongan etnik Tamil, mempunyai peluang untuk meningkatkan penguasaan bahasa Tamil melalui surat khabar dan majalah. Kini tiga buah surat khabar harian bahasa Tamil iaitu '*Tamil Nesan*', '*Malaysia Nanban*' dan '*Makkal Osai*' diterbitkan di Malaysia. Selain ini, terdapat pelbagai majalah Tamil mingguan dan bulanan dari dalam dan luar negara dalam pasaran. Semua jenis penerbitan media cetak ini telah membantu untuk mengembangkan bahasa Tamil dalam kalangan penutur bahasa Tamil dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa.

### **1.2.3 Bahasa Tamil dalam Media Elektronik di Malaysia**

Media elektronik juga memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa Tamil. Bidang penyiaran seperti radio dan televisyen Malaysia (RTM) turut memainkan peranan penting dalam usaha mengembangkan bahasa dan budaya masyarakat India, khusus masyarakat India Selatan. Saluran Minnal FM dan THR Raaga adalah dua saluran radio yang menggunakan bahasa Tamil. Saluran televisyen kerajaan iaitu RTM 2 adalah saluran yang menyiarkan rancangan-rancangan tertentu dalam bahasa Tamil. Tidak ketinggalan juga, saluran televisyen swasta seperti TV3, NTV7, dan Astro Vanavil dalam usaha menyiarkan program-program bahasa Tamil. Astro Vanavil pula, menyiarkan program Tamil selama 24 jam sehari dan 75% daripada programnya adalah dari negara India.



#### **1.2.4 Bahasa Tamil dalam Bidang Keagamaan dan Kebudayaan di Malaysia**

Di Malaysia terdapat kuil-kuil yang menggunakan bahasa Tamil, selain bahasa Sanskrit, bagi pengendalian upacara sembahyang. Selain itu, berbagai-bagai aktiviti keagamaan dan kebudayaan diadakan di tempat-tempat ibadat dengan menggunakan bahasa Tamil bagi menggalakkan penglibatan generasi muda. Kesemua aktiviti ini adalah bertujuan bagi menggalakkan generasi muda menggunakan bahasa Tamil serta menghayati kebudayaan India (Saravanan, 1993:151).

Persatuan-persatuan seperti Malaysia Hindu Sanggam dan Persatuan Bell Belia Tamil Malaysia turut menganjurkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan perbahasan, kuiz dan nyanyian yang berunsurkan kebudayaan dan keagamaan bagi memotivasikan serta menggalakkan remaja India mencintai dan menggunakan bahasa Tamil. Persatuan Temple Of Fine Arts pula menganjurkan pelbagai aktiviti bercorakan kebudayaan India seperti muzik tradisional, tarian tradisional dan nyanyian klasik Tamil bagi menggalakkan generasi muda menghayati budaya kaum di samping menggunakan bahasa Tamil (Saravanan,1993).

#### **1.2.5 Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Tamil**

Bahasa Tamil merupakan bahasa komunikasi utama yang digunakan oleh masyarakat India di Malaysia. Kadar penggunaan bahasa Tamil adalah sangat tinggi di kawasan luar bandar (Lim Ann Lay, 1997). Menurut Jamalih Mohd. Ali (1995), di bandar, penggunaan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan penukaran kod bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil kerap digunakan oleh golongan Tamil berpendidikan Inggeris. Menurut Jamaliah (1995: dalam tesis Lim Ann Lay, 1997), bahasa Inggeris telah menjadi bahasa pertama bagi sesetengah kumpulan etnik India, khususnya di bandar.

Menurut P.Balasubramaniam (1989), kebanyakan keluarga India, khususnya di bandar mencampuradukkan banyak perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu semasa berkomunikasi dalam bahasa Tamil. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam domain kekeluargaan merupakan pengaruh daripada bahasa pengantar yang digunakan di sekolah hingga ke universiti. Hal ini adalah kerana, penggunaan perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam bahasa Tamil melancarkan lagi komunikasi dan pemahaman. Penggunaan kata-kata pinjaman daripada bahasa asing dikatakan lebih berkesan berbanding penggunaan kata-kata bahasa Tamil tulen (Balasubramaniam, P.1989).

Setelah meneliti pendapat-pendapat pengkaji di atas maka boleh membuat kesimpulan bahawa pada masa kini masyarakat India memang menggunakan bahasa Tamil dalam komunikasi intraetnik. Tetapi bahasa Tamil yang digunakan oleh masyarakat India tidaklah bahasa Tamil yang tulen sebaliknya telah dicampuradukan dengan bahasa-bahasa lain yang dituturkan di Malaysia.

### **1.3 Pengaruh Bahasa Asing dalam Cerpen Tamil Malaysia**

Pengaruh peminjaman kata daripada bahasa asing, terutamanya daripada bahasa Inggeris tidak terhenti-henti pada tahap pertuturan sahaja, malah sudah menular sehingga bidang penulisan kreatif bahasa Tamil iaitu dalam penulisan cerpen Tamil tempatan. Daripada penelitian pengkaji didapati para penulis Tamil di Malaysia sangat gemar menggunakan kata-kata asing dalam penulisan kreatif mereka, terutamanya dalam cerpen-cerpen yang mereka hasilkan. Penggunaan bahasa Inggeris dalam penulisan cerpen mungkin bertujuan untuk menimbulkan perasaan situasi sebenar mengenai kehidupan penduduk tempatan dalam hati para pembaca.

Kini telah menjadi perkara biasa dalam masyarakat India di Malaysia bertutur menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian mereka. Penulis-penulis cerpen mungkin memilih watak-watak sedemikian dalam penulisan cerpen mereka untuk menghidupkan suasana sebenar dalam penulisan mereka. Walaupun suasana ini mengetengahkan realiti hidup masyarakat India Malaysia, tetapi sesetengah pihak berpendapat ia juga akan mengakibatkan kehilangan ketulenan sesuatu bahasa apabila kata-kata asing banyak digunakan dalam penulisan kreatif. Oleh yang demikian pengkaji membuat keputusan untuk mengkaji penggunaan lexis Inggeris dalam cerpen-cerpen Tamil yang diterbitkan dalam akhbar Tamil tempatan sebagai sumber data kajian ini.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Pemindahan lexis dari satu bahasa ke bahasa lain berlaku dalam situasi multilingual. Ia bukan sahaja berlaku dalam bahasa pertuturan tetapi juga dalam bahasa kesusasteraan sesuatu bahasa dalam situasi multilingual (Haugen, E. 1972). Daripada hasil tinjauan kepustakaan, didapati bahawa sehingga sekarang belum ada kajian dilakukan tentang pinjaman lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil. Hanya Maniyarasan, M. (2007) melakukan kajian tentang kata pinjaman bahasa Melayu dalam teks kesusasteraan dengan memfokuskan pada sudut semantikanya. Memandangkan pinjaman lexis bahasa Inggeris berlaku secara ketara dalam cerpen-cerpen Tamil tempatan, maka penyelidik berhasrat untuk mengkaji penggunaan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil Malaysia. Kajian ini adalah usaha pertama tentang pemindahan lexis bahasa Inggeris dalam kesusasteraan Tamil Malaysia.

Sejarah cerpen Tamil di negara kita kini mencapai usia 70 tahun. Dalam jangka masa ini, lebih daripada 100 antologi cerpen Tamil Malaysia telah diterbitkan (Sababathy, V. 2006). Namun demikian sehingga kini belum ada sarjan-sarjana Tamil tempatan yang benar-benar berminat untuk membuat kajian mengenai pemindahan leksis bahasa Inggeris ke dalam cerpen Tamil. Kajian ini akan menjadi perintis bagi kajian-kajian akan datang yang dibuat berdasarkan pendekatan ini.

### **1.5 Objektif Kajian**

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk meninjau pemindahan leksis bahasa Inggeris yang berlaku dalam cerpen Tamil yang diterbitkan dalam akhbar Tamil tempatan.

Objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti jenis-jenis penggunaan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil.
2. Untuk menentukan kekerapan penggunaan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil.
3. Mendapatkan maklum balas daripada penulis tentang sebab-sebab kecenderungan mereka menggunakan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil.

## **1.6 Soalan Kajian**

Kajian ini bertujuan mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan berikut:

1. Apakah jenis-jenis lexis bahasa Inggeris yang dipindahkan ke dalam cerpen Tamil yang diterbitkan dalam surat khabar harian di Malaysia?
2. Apakah kekerapan pemindahan lexis bahasa Inggeris ke dalam cerpen Tamil?
3. Apakah faktor-faktor yang mendorong para penulis cerpen Tamil untuk menggunakan lexis Inggeris dalam penulisan mereka?

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Seperti yang kita ketahui, bahasa bukanlah sesuatu yang statik (Karunakaran, K. 1975). Sejarah membuktikan bahawa setiap bahasa akan mengalami perubahan dari suatu masa ke suatu masa yang lain mengikut peredaran zaman (Thanga Manian. 1983). Setiap bahasa sentiasa berkembang atau berubah mengikut perubahan yang berlaku dalam masyarakat penutur bahasa tersebut dalam arus peredaran masa.

Kajian ini amat bermakna kerana ia membantu para pengkaji bahasa Tamil memperoleh maklumat terkini mengenai perkembangan bahasa Tamil dalam karya sastera. Penyelidik berharap hasil kajian ini dapat memberi maklumat baru kepada penulis-penulis cerpen, para pensyarah dan guru mata pelajaran bahasa Tamil. Penulisan cerpen adalah salah satu kemahiran yang ditekankan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil di peringkat Sekolah Menengah dan dinilai dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Kajian linguistik yang sedemikian ini sangat kurang dilakukan di Malaysia. Kajian seumpama ini perlu dilakukan dari masa ke masa untuk meneliti perkembangan yang dialami oleh sesuatu bahasa terutama bahasa Tamil di Malaysia. Penyelidik juga berharap maklumat terkini dalam perkembangan bahasa Tamil dapat memberi sumbangan kepada pihak media cetak dan media elektronik dalam penggunaan lexis bahasa Tamil dan penyelidik tempatan yang berminat untuk menjalankan kajian dalam bidang ini pada masa akan datang.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya memberi fokus kepada lexis pinjaman bahasa Inggeris ke dalam karya sastera Tamil, iaitu cerpen-cerpen Tamil tempatan sahaja. Data kajian dikumpul daripada surat khabar harian Tamil iaitu *Malaysia Nanban*, *Makkal Osai* dan *Tamil Nesan*. Sebanyak 93 cerpen dikumpul untuk kajian dalam tempoh masa enam bulan. Setiap minggu pengkaji telah mengumpul semua cerpen yang diterbitkan dalam ketiga-tiga akhbar harian. Aspek yang diteliti adalah jenis-jenis pinjaman lexis, kekerapan penggunaan lexis dan pandangan serta pendapat penulis cerpen tentang sebab-sebab menggunakan lexis pinjaman.

### **1.9 Definisi Operasional Istilah-istilah Penting**

Berikut merupakan definisi operasional bagi beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini agar kekaburan makna tidak berlaku.

### **1.9.1 Kata Pinjaman**

Kata yang dipinjam dari bahasa lain disesuaikan dengan kaedah bahasa sendiri (Harimurti, 1982:77). Unsur-unsur yang dipinjam dari satu bahasa ke bahasa lain mungkin leksis-leksis, frasa-frasa, ungkapan-ungkapan dan peribahasa. Dalam proses peminjaman, bahasa penderma tidak perlu memberi kebenaran untuk meminjam darinya.

### **1.9.2 Pemindahan Leksis**

Pemindahan leksis berlaku apabila pertemuan bahasa (*language contact*) berlaku dalam sebuah masyarakat yang bertutur lebih daripada satu bahasa (Thomason, Sarah, G. 2000,). Proses pemindahan leksis dari satu bahasa ke bahasa lain berlaku berdasarkan pada kemampuan persaingan antara bahasa-bahasa. Proses tersebut dikenali sebagai 'metabolisme bahasa' dalam linguistik moden. Lazimnya, pemindahan leksis berlaku bersesuaian dengan keperluan sesebuah masyarakat.

### **1.10 Kesimpulan**

Keseluruhan Bab 1 telah membincangkan sedikit sebanyak tentang latar belakang kajian yang meliputi bahasa Tamil dalam pelbagai bidang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi-definisi operasional. Dengan itu, diharap bab ini dapat memberikan pengenalan yang secukupnya tentang kajian ini.